

## BAB 4

### PERGERAKAN ISLAM DALAM SEJARAH SOSIAL DI MALAYSIA (1975 - 1985) : ANALISA PERANAN DAN IMPAKNYA

#### 4.0. Pendahuluan

Menegakkan *Daulah Islamiyah* di dalam negara-negara bangsa memang menjadi tujuan utama wadah-wadah yang ditubuhkan itu dengan meletakkan Islam sebagai landasan perjuangannya. Kenyataan ini sebenarnya sudah kelihatan selepas jatuhnya Khalifah al-'Uthmananiyyah – Turki pada tahun 1924. Bermula dari penubuhan Jama'at al-Nur dan Talaba' al-nur di Turki oleh Badi'uzzaman Sa'id Nursi, diikuti dengan gerakan Ikhwan al-Muslimin yang dipelopori Imam Hassan al-Banna sekitar tahun 1928. Gerakan-gerakan Islam tumbuh di merata dunia dengan tujuan untuk mengembalikan sistem khalifah. Gerakan Islam merupakan satu *tanzim 'alam* yang merangkumi semua mereka yang beramal memperjuangkan Islam di seluruh pelosok bumi.<sup>1</sup>

Dalam konteks Malaysia, gerakan-gerakan Islamnya tumbuh dan berkembang dalam keadaan dan cara tersendiri. Lantaran itu, usaha-usaha pihak tertentu untuk menyelaraskan jemaah-jemaah Islam di Malaysia, terutamanya antara PAS, PKPIM, ABIM, Al-Arqam dan Tabligh, kerap menghadapi jalan buntu. Faktor penting di sini ialah perbezaan pendekatan jalan dakwah itu dan kaitanya dengan perjuangan-perjuangan gerakan Islam di peringkat antarabangsa. Ada yang mengikuti secara langsung pendekatan-pendekatan gerakan Islam antarabangsa itu, dan ada juga yang

---

<sup>1</sup> Fathi Yakan, *Apa erti saya menganut Islam (terjemahan)*, Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 1984, hal. 133.

menteladani gerakan-gerakan Islam kontemporer dan tidak ketinggalan juga yang mencipta model sendiri. Sebenarnya, ini wajar terutamanya kalau dikaitkan dengan realiti masyarakat majmuk di negara ini. Menurut kajian Pusat Penyelidikan Islam (PPI), gerakan-gerakan Islam yang terdapat di negara ini boleh digolongkan dalam tiga bentuk aliran perjuangan, iaitu aliran fundamentalisme moden, aliran fundamentalisme tradisional dan aliran Islam tradisional.<sup>2</sup> Aliran fundamentalisme tradisional menerapkan pendekatan *Ahli Sunnah Wal Jamaah* dengan seruan agar umat Melayu berpegang teguh dengan Al-Qur'an dan Hadis. Dar al-Arqam dan Jamaat Tabligh di anggap mewakili aliran ini. Kumpulan tersebut dikatakan terlalu fanatik dengan apa yang dipercayainya. Mereka juga dikatakan bertanggungjawab menyebarkan idea-idea fundamental Islam di kalangan masyarakat bawahan.<sup>3</sup>

Aliran fundamentalisme moden pula diperjuangkan oleh kalangan belia Islam yang berpendidikan Melayu dan Inggeris. Mereka ini tidak meniru dengan melulu cara hidup Islam. Aliran ini lebih cenderung kepada pemikiran Ibn Taimiyah dan tokoh-tokoh *islah* yang lain. Mereka mahukan kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam sebanyak mungkin. Di samping itu, penekanan diberi kepada peranan organisasi dalam usaha mengislamkan masyarakat. Untuk itu, mereka melibatkan diri secara aktif dalam pertubuhan-pertubuhan Islam di mana mereka bermastautin, seperti FOSIS (*Federation of the Students Islamic Societies of United Kingdom and Eire*) di Britain, MSA (*Muslim Students Association of America*) di Amerika, AMFSA (*Australian Federation of Muslim Student Association*) di Australia atau ABIM di Malaysia.

---

<sup>2</sup> Mohammad Abu Bakar, "Islamic Revivalism and the Political Process in Malaysia", *Asian Survey*, Vol. 21, No. 10, Oct. 1981, hal. 104.

<sup>3</sup> Amir Ali, "Islamic Revivalism in Harmony and Conflict : The Experience in Sri Lanka and Malaysia", *Asian Survey*, Vol. 24, No. 3, March, 1984, hal. 306.

Sementara itu, aliran Islam tradisional boleh dikatakan telah sebat dengan masayarakat Melayu tradisional. Kegiatannya yang utama ialah berkecimpung dalam pengajian pondok iaitu mentelaah kitab-kitab kuning. Walaupun sumbangannya amat besar, tetapi pendekatannya yang sedemikian` telah disalahafsirkan sehingga timbul tuduhan bahawa aliran ini sebagai fanatik, ekstrim dan juga songsang.

Dalam perubahan sosial selama 10 tahun di Malaysia (1975-1985), dapat dilihat bahawa gerakan-gerakan Islam yang dominan di negara ini telah berkembang dan menampakkan satu peranan yang lebih agresif dan dinamik. Ada pihak yang melihat hal ini sebagai wajar kerana ia adalah antara manifestasi daripada peranannya sebagai kumpulan pendesak. Sebenarnya, ini juga boleh ditanggapi sebagai manifestasi dan keinginan mereka yang mendalam ke arah merealisasikan cita-citanya disamping dapat dilihat sebagai tindakbalas terhadap tekanan-tekanan dan masalah sosial seperti keruntuhan moral dan kemiskinan.

Sejarah telah menunjukkan bahawa gerakan dakwah pada zaman Rasulullah adalah memperjuangkan seluruh aspek kehidupan ummah. Dakwahnya adalah mengikut *uslub* (cara) berorganisasi yang tersusun rapi. Ini boleh dilihat melalui beberapa peristiwa seperti *Bai'ah Aqabah* pertama dan kedua, peristiwa Hijrah dan pembentukan negara Islam di Madinah. Lebih penting lagi, Rasulullah tidak pernah berkompromi dan bersekongkol terhadap kekufuran dan perkara-perkara maksiat.

Memang tidak dinafikan gerakan-gerakan Islam di Malaysia mengarah kepada pendekatan dakwah Rasulullah S.A.W, tetapi kerana suasana dan sasarannya yang berbeza, kita dapati gerakan-gerakan Islam di Malaysia tidak sehaluan, meskipun satu matlamatnya. Perbezaan pandangan terhadap isu-isu kemasyarakatannya dan anasir-anasir tertentu yang cuba mengambil peluang dari kelemahan jemaah-jemaah tersebut

adalah antara faktor yang menyumbang kepada fenomena yang ketara dalam era ini, iaitu 'perpecahan ummah'. Misalnya, ini dapat dilihat dari bagaimana kelemahan PAS dalam aspek *tarbiyah* telah digunakan sepenuhnya oleh Majlis Syura Muslimin (IRC) yang cuba menanam pengaruhnya dalam PAS dengan cara memburuk-burukkan pemimpin PAS dan menimbulkan rasa tidak puas hati ahli-ahli terhadap tindak-tanduk pemimpin, terutamanya dalam majlis-majlis usrah yang dinaqibkan oleh anggota-anggota IRC.<sup>4</sup> Walaupun PAS berjaya mematahkan usaha kumpulan ini untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya dengan menggunakan wadah PAS tetapi mereka yang kecewa itu akhirnya telah menuahkan sebuah lagi pergerakan Islam menjelang akhir dekad 80-an dengan nama Jemaah Islah Malaysia (JIM).<sup>5</sup>

Selain perpecahan ummah, gerakan-gerakan Islam di Malaysia juga menghadapi tentangan-tentangan seperti bagaimana menyahut dan mengisi kebangkitan Islam, memanfaatkan ruang yang terbuka selaras dengan program penerapan nilai-nilai Islam oleh kerajaan, memenuhi kehendak pendokong-pendokongnya yang radikal dan menghadapi kumpulan-kumpulan nasionalis serta anggota sosial yang *chauvinist*.

Bab ini akan melihat bagaimana berkesannya gerakan-gerakan Islam di Malaysia berperanan sebagai kumpulan pendesak, sejauhmana tanggapan pihak kerajaan dan masyarakat terhadap perjuangan dan desakan mereka dan akhirnya bagaimana mereka menangani kehendak dan permasalahan ummah, dalam suasana kebangkitan Islam yang turut melanda negara ini.

---

<sup>4</sup>Ahmad Tajdid, "Kenapa PAS bersendirian?", *Dunia Islam*, Kuala Lumpur : Penerbitan Zin, 15 Mei, 1990, hal. 22.

<sup>5</sup>Keterangan lanjut lihat Muhammad Azree, "PAS Sasaran IRC", *Berita Harian*, 27 September 1986.

**4.1. Adakah PAS, PKPIM, Al-Arqam dan Jamaat Tabligh sebagai kumpulan pendesak?**

**4.1.1. PAS**

Jika dikira daripada usia penubuhannya, ternyata PAS ialah gerakan Islam yang paling mantap. Ia mempunyai dan sekaligus dapat digolongkan dalam kalangan pertubuhan yang mempunyai pengalaman sendiri. Paling penting PAS lahir pada tahun 1951 hasil daripada kesedaran para ulama UMNO yang melihat bahawa UMNO tidak mampu menjadi landasan bagi menggerakkan penubuhan negara Islam di Tanah Melayu.

Di samping itu, perkembangan semasa pada waktu tersebut turut mempengaruhi kelahiran parti ini. Misalnya, bagi menambah sumber kewangan UMNO, Kesatuan Melayu Kedah mencadangkan supaya Jabatan Agama dan UMNO melaksanakan judi loteri dengan alasan ia merupakan derma dengan tujuan untuk memperbaiki kehidupan umum. Walaupun ada bantahan, tetapi cadangan ini tetap dilaksanakan. Dalam risalah 'Masa Depan PAS Johor', Tarmizi Mohd Jam menulis,<sup>6</sup>

"Salah satu sebab mengapa PAS ditubuhkan ialah sebagai protes kepada UMNO yang pada waktu itu hendak membernarkan judi dan loteri. Tuan Haji Ahmad Fuad, Haji Abdullah Fahim dari Seberang Prai dan Haji Fathullah Suhaimi dari Singapura telah bangun menentang sekeras-kerasnya judi tersebut."

Pada tahun 1954, parti ini telah melaungkan objektif asalnya dengan menyuarakan penentangan terhadap isu *jus soli*. Menjelang kemerdekaan Tanah Melayu, PAS yang dipimpin oleh presidennya yang ketiga, Dr. Burhanuddin al-Helmy,

---

<sup>6</sup>Ibnu Hashim, *Pas Kuasai Malaysia : 1950 – 2000 Sejarah Kebangkitan dan Masa Depan*, Kuala Lumpur : GG Edar, 1993, hal. 21-23.

telah meletakkan dasar perjuangan parti ini. Antara beberapa dasar perjuangan yang utama ialah:

1. Islam menjadi agama rasmi berlandaskan ajaran Al-Qur'an dan Sunnah.
2. Kebangsaan negeri ini mestilah Melayu.
3. Mesti diakui bahawa bangsa Melayu adalah tuan punya negara ini.
4. Membina satu bahasa, satu negara, satu bangsa yang teguh dengan mengakui hanya bahasa Melayu sahaja yang menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang tunggal di negara ini.

Ada beberapa tafsiran yang boleh dikemukakan berhubung dengan apa yang diperjuangkan oleh PAS ini. Pertama PAS menggunakan Islam untuk menyaingi UMNO yang bekerjasama dengan MCA dan MIC. Langkah ini memang wajar kerana UMNO pada dekad 50-an adalah sebuah parti nasionalis lagi sekular. Kedua, bahawa PAS nyata tidak mengabaikan perkara Kebangsaan Melayu, sejajar dengan sasarannya untuk mendapat sokongan dari orang-orang Melayu.

Dengan prinsip setegas itu, PAS berjaya meraih sokongan ulama pondok dan masyarakat tani. Pada tahap ini, PAS sudah mulai berperanan sebagai 'watchdog' kepada pihak *establishment*. Malah yang lebih penting peranannya sebagai kumpulan pendesak sudah ketara. Perjuangan dan desakan-desakan parti ini supaya Islam dijadikan agama rasmi, menyebabkan UMNO akhirnya terpaksa akur untuk menasihatkan Majlis Raja-Raja supaya menerima Islam sebagai agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu yang kekal hingga sekarang.

Memang harus diakui tidak semua desakan dan tuntutannya ditanggapi sepenuhnya oleh UMNO. Namun PAS terus menyuarakan apa yang menjadi dasar perjuangannya. Antara tahun 1962 hingga 1963 sahaja, misalnya, Timbalan Presiden

PAS, Ustadz Zulkifli Mohammad telah menghasilkan sekurang-kurangnya 13 tulisan mengenai pelbagai aspek dalam Islam dan politik dan politik semasa. Menurut Hussein Mutalib<sup>7</sup>

"Some of the present Islamic institutions in Malaysia owe their genesis to his ideas, the International Islamic University, Islamic bank and pilgrims board."

Dalam hubungan ini, peranan Zulkifli Mohammad sebagai jurucakap PAS dan Islam di Parlimen begitu ketara, selaras dengan tahap pendidikan dan daya intelektualnya yang tinggi, kefasihannya berbahasa Arab, Inggeris dan Melayu serta pengalamannya dalam bidang kewartawanan dan politik. Misalnya, pada tahun 1963, beliau telah menyarankan supaya diperkenalkan aliran pendidikan Islam di dalam semua sekolah berbahasa Inggeris, selain memperjuangkan Malaysia dijadikan negara Islam menurut AL-Qur'an.<sup>8</sup> Beliau juga banyak mengkritik kerajaan, terutamanya UMNO dan sentiasa mendesak supaya dilaksanakan perubahan-perubahan ke arah yang selari dengan tuntutan Islam.

Bagaimanapun, kelantangan dan pengaruh PAS mulai menurun ketika parti ini dipimpin oleh Datuk Asri Haji Muda, terutamanya semasa ia bergabung dalam Barisan Nasional. Dalam hubungan ini, meskipun kenyataan bersama Tun Razak – Datuk Asri sewaktu perisytiharan rasmi pembentukan kerajaan campuran Perikatan –PAS pada 28 September 1972 menyebutkan bahawa PAS dan Perikatan akan berusaha memberi

---

<sup>7</sup>Hussein Mutalib, *Islam and Ethnicity in Malay Politics*, Singapore : Oford University Press, 1990, hal. 198.

<sup>8</sup>Ibid, hal. 108.

nilai-nilai Islam dalam perundangan dan Perlembagaan Negara, tetapi ini gagal direalisasikannya.<sup>9</sup>

Pengaruh parti ini terus merosot sesudah ia disingkirkan daripada Barisan Nasional dan gagal dalam pilihanraya 1978 di Kelantan, sesudah memerintah negeri itu selama 18 tahun. Suara-suara mengkritik kepimpinan Asri begitu lantang kedengaran, terutamanya oleh ahli yang pro kepada golongan ulamak dan aktivis muda PAS yang ingin mengukuhkan parti itu. Antara mereka ialah Yusof Rawa, Haji Abdul Hadi Awang dan Tuan Guru Nik Abdul Aziz serta dua orang bekas pemimpin ABIM, Fadhil Noor dan Nakhaie Ahmad.

Kehadiran tokoh-tokoh itu membantu dalam memperkuatkan parti seperti yang diharapkan oleh para aktivis yang ingin melihat tampilnya kepimpinan ulamak yang menguasai parti itu sepenuhnya. Penubuhan Majlis Syura Ulama pada tahun 1978 adalah antara perkembangan yang menguntungkan kumpulan ini. Majlis itu dipertanggungjawabkan untuk membuat keputusan mengenai parti, dan memberi hak kepada ulama untuk menentukan kepimpinan dengan membuat keputusan berdasarkan syura. Sebenarnya, ini adalah satu konsep baru yang penting kerana ia menandakan permulaan kepada munculnya PAS yang lebih bersatu, lebih kuat dan selari dengan tuntutan Islam.

Banyak pihak mengakui bahawa kepimpinan ulamak ini, yang kemudiannya berjaya menyingkirkan Datuk Asri dalam Muktamar PAS tahun 1982, mengambil pendekatan yang radikal. Bekas Presiden ABIM, Dr. Siddiq Fadhil, pernah menyuarakan rasa hairannya kenapa PAS mengambil pendekatan ini sedangkan ia tidak sesuai

---

<sup>9</sup>Lihat lampiran 4.

dengan persekitaran dakwah di Malaysia.<sup>10</sup> *Utusan Melayu* (27 April 1983) memuatkan berita '...mereka terlalu radikal dan amat berbahaya kepada umat Islam dan yang lain-lainnya'. Menurut Datuk Asri,<sup>11</sup>

" ... the new PAS leaders were obsessed with the idea of Shi'ite rule and would adopt the Iranian system by violent means necessary" ..

Pandangan-pandangan itu mungkin boleh diterima, apalagi kalau dikaitkan dengan kenyataan Fadhil Noor bahawa "PAS akan mengikuti negara-negara yang mempunyai 3 sumber hukum, iaitu Al-Qur'an, Sunnah dan Ijtihad".<sup>12</sup> Dengan pendirian ini, maka kritikan PAS terhadap UMNO semakin pedas. Haji Yusof Rawa yang mengetuai kepimpinan ulamak kelihatan akur dengan kehendak ahli-ahli bilamana dalam muktamar tahun 1983 PAS menolak secara total perjuangan '*Assabiyah*' yang dipelopori UMNO dan secara langsung menolak fahaman kebangsaan yang selama ini terdapat di dalam PAS. Sama ada disedari atau tidak, langkah ini sebenarnya melebarkan lagi jurang perbezaan antara PAS dengan UMNO. Serentak dengan itu, PAS menjadi lebih terbuka dan menjalin hubungan baik dengan Majlis Perundingan Cina (CCC), dengan menawarkan penghapusan hak istimewa orang-orang Melayu yang diperjuangkan oleh UMNO. Parti ini juga menawarkan kesamarataan dalam pendidikan dan ekonomi jika orang-orang Cina menerima konsep Negara Islam yang diperjuangkan PAS.

Perlu disebutkan bahawa UMNO yang telah dipimpin oleh Dr. Mahathir sejak 16 Julai 1981, tidak dapat lari daripada harus mengambil kira segala perkembangan itu,

<sup>10</sup> Ucapannya dalam Tamrin Pemimpin-pemimpin Pelajar anjuta Biro Siswazah Muda ABIM di Yayasan Anda, Kuala Lumpur pada 12 April 1984.

<sup>11</sup> *Asia Week*, 3 Disember 1982.

<sup>12</sup> Hussein Mutalib, op.cit, hal. 113.

termasuk kesan revolusi di Iran dan kebangkitan Islam sejagat. Andaian ini adalah berdasarkan langkah pentadbiran Mahathir memperkenalkan dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan memperkenalkan sistem Islam dalam bidang pendidikan, kewangan dan kemasyarakatan. Mungkin tidak adil untuk mempertikaikan niat kerajaan ini, tetapi langkah itu tidak mustahil antara lain bertujuan untuk menjadikan kehadiran PAS tidak diperlukan lagi oleh masyarakat.

Dalam dasawarsa 80-an ini, PAS memang mengkritik hebat program Penerapan Nilai-nilai Islam itu sebagai '*cosmetic*', '*piece meal*' dan '*inconsequential*' serta tidak bertujuan untuk melaksanakan prinsip-prinsip Islam yang sebenar dalam pentadbiran.<sup>13</sup>

Antara kritikan dan tuntutannya adalah seperti berikut:

1. Mengkritik kerajaan kerana tidak menjadikan Al-Qur'an dan Sunnah sebagai asas perundangan awam Malaysia.
2. Menyeru kerajaan menggantikan sistem pendidikan sekular dengan sistem pendidikan Islam.
3. Mengkritik kerajaan kerana melaksanakan dasar-dasar yang membawa kepada sikap kebendaan, keruntuhan moral dan kemiskinan.
4. Mengimbau supaya undang-undang Islam dilaksanakan untuk orang bukan Islam.<sup>14</sup>

Sesungguhnya, harus diakui bahawa apa yang dituntut oleh PAS sejak penubuhannya, banyak yang telah menjadi kenyataan. Arus masyarakat Islam yang ingin menjadikan agamanya sebagai '*Nizam al-hayah*' (cara hidup) semakin

---

<sup>13</sup>Lihat *Utusan Malaysia*, 30 Ogos 1984 dan *New Straits Times*, 12 April 1984.

<sup>14</sup>*New Straits Times*, 12 April 1984.

memuncak. Apa saja langkah Islamisasi kerajaan di masa hadapan tentu akan bergantung dengan kehendak, komitmen atau desakan dari kumpulan-kumpulan sosial. Memandangkan masih banyak program Islam yang perlu dilaksanakan, PAS tentu sekali akan mendapat sokongan, setidak-tidaknya ia boleh diharapkan sebagai terutamanya dalam mendesak kerajaan.

#### **4.1.2. Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)**

Sejak penubuhannya pada 31 Mac 1961, Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) telah menjadi badan induk kepada persatuan-persatuan pelajar Islam di Malaysia. Tujuan asal penubuhannya antara lain untuk menggabungkan semua persatuan pelajar Islam di Malaysia, menjalankan aktiviti-aktiviti bagi kepentingan pelajar Islam dan wakil tunggal pelajar Islam dalam berinteraksi dengan persatuan Islam lainnya di luar negeri. PKPIM juga merupakan gerakan Islam pertama yang bukan bercorak parti politik di negara ini.

Selaras dengan kedudukannya sebagai pelopor kepada aktiviti-aktiviti Islam yang tersusun, PKPIM sejak awal lagi telah berperanan mencetuskan gagasan dan mendesak pihak berkuasa agar lebih peka dengan aspirasi generasi muda Islam yang ingin menjadikan agama mereka sebagai cara hidup yang menyeluruh. Isu-isu yang dibangkitkan oleh PKPIM terlalu luas ruang lingkupnya, kerana menyentuh soal moral, keintelektualan, politik, ekonomi, kemasyarakatan, kenegaraan dan pergolakan dunia.

Misalnya, PKPIM pernah mendesak kerajaan agar menubuhkan Maktab Perguruan Islam, Universiti Islam, dan lebih peka dengan masalah kemiskinan, penggunaan Bahasa Kebangsaan, soal filem lucuah, pembalakan Endau-Rompin, termasuk pengiktirafan ijazah Universiti Taiwan dan Nanyang. Juga turut ditimbulkan

isu-isu yang menyangkut kepentingan masyarakat Islam sejagat, seperti penindasan rakyat Islam di selatan Thailand dan campur tangan Amerika Syarikat dalam perang Asia Barat. Isu-isu ini dibangkitkan bukan sahaja dalam perbincangan ilmiah, tetapi ada yang dibangkitkan melalui demonstrasi.

Penubuhan Universiti Islam di negara ini merupakan satu isu yang diperjuangkan, bahkan sejak awal penubuhannya lagi. Kemuncak kepada tuntutan ini ialah bilamana PKPIM menganjurkan Kongres Universiti Islam sempena Persidangan Agung PKPIM ke 10, pada 3 Ogos 1971 di Fakulti Pengajian Islam UKM.<sup>15</sup> Beberapa kertas kerja telah dibentangkan termasuk oleh Prof. Zainal Abidin Wahid (pada waktu itu Dekan Fakulti Sejarah, UKM) dan Tan Sri Abdul Jalil Hasan (Dekan Fakulti Pengajian Islam, UKM).

Ada beberapa faktor yang mendorong kepada penubuhan Universiti Islam ini.. Di antaranya kerana kebimbangan terhadap meningkatnya keruntuhan akhlak akibat pengaruh kebendaan yang hanya mungkin diimbangi dengan kekuatan rohani. Ia juga diharapkan akan memperbaiki pandangan dan salah faham masyarakat terhadap Islam, di samping sebagai sarana untuk menampung pelajar-pelajar agama supaya berpeluang meneruskan pengajian tinggi mereka.<sup>16</sup> Pada akhir kongres itu, satu jawatankuasa 22 anggota ditubuhkan.<sup>17</sup>

---

<sup>15</sup> Lihat *Cenderamata Kongres Universiti Islam* (3-7 Ogos 1971)

<sup>16</sup> *Utusan Melayu*, 5 Ogos 1971.

<sup>17</sup> Antara ahlinya: Datuk Patinggi Abdul Rahman Yaacob (Ketua Menteri Sarawak), Tun Datu Mustapha (Ketua Menteri Sabah), Datuk Harun Idris (Menteri Besar Selangor), Datuk Muhd Asri Hj. Muda (Menteri Besar Kelantan), Prof. Abdul Jalil Hasan (Dekan Fakulti Pengajian Islam, UKM), Prof. Syed Naquib (Dekan Fakulti Sastera, UKM), Tan Sri Syed Nasir Ismail (Naib Presiden UMNO) dan Prof. Zainal Abidin Wahid (Dekan Fakulti Sastera, UKM).

Perlu disebutkan bahawa PKPIM telah menjelaskan cita-citanya mendesak penubuhan Universiti Islam ini bukan semata-mata kerana ingin menonjolkan perkataan Islam, tetapi untuk memenuhi tuntutan Islam itu sendiri. Sehubungan dengan itu, PKPIM tidak dapat menerima alasan Universiti Islam tidak perlu ditubuhkan kerana sudah ada Fakulti Pengajian Islam (di UKM) atau Jabatan Pengajian Islam (di Universiti Malaya).<sup>18</sup> Bagi PKPIM insitusi itu belum dapat diterima kerana ia tidak memenuhi syarat yang diperjuangkan.

Perjuangan PKPIM adalah berdasarkan keyakinan bahawa Islam akan membawa kesejahteraan kepada umat manusia, jika masyarakat mengamalkannya. Dengan itu, hasrat bagi menubuhkan Universiti Islam ini merupakan perjuangan jangka panjang untuk menyelesaikan masalah umat dan seterusnya melahirkan keadilan dan keharmonian di dalam masyarakat. Universiti itu juga diyakini akan mengeluarkan para pemimpin yang amanah, adil dan bertanggungjawab terhadap pembinaan moral yang tinggi di kalangan masyarakat.

Selaras dengan komitmennya itu, PKPIM menjadikan isu penubuhan Universiti Islam ini sebagai agenda utama yang akan terus diperjuangkan sehingga tertubuhnya Universiti Islam itu. Sekali lagi dalam Muktamar PKPIM ke 17 pada 29 September sehingga 1 Oktober 1978, salah satu usulnya ialah mendesak kerajaan supaya menubuhkan Jawatankuasa Petugas Universiti Islam dan menetapkan tarikh sebenar bagi penubuhan universiti itu berdasarkan janji-janji kerajaan bahawa Universiti Islam akan ditubuhkan selewat-lewatnya pada tahun 1975, iaitu hasil rumusan Seminar

---

<sup>18</sup> Misalnya Menteri Pelajaran ketika itu Datuk Hussein Onn nampaknya tidak begitu positif terhadap penubuhan Universiti Islam ini. Dalam ucapan di Kota Bharu pada 6 Mei 1971, beliau membuat kenyataan kerajaan tidak pernah berjanji untuk menubuhkan Universiti Islam dan kerajaan tidak dapat melaksanakan penubuhannya. (Lihat *Berita Harian*, 7 Mei 1971.)

*Peradaban Islam* (1967) dan *Kongres Universiti Islam* (1971) yang telah membentuk jawatankuasa penajanya.

Sementara itu, PKPIM adalah antara pihak yang tampil menyuarakan rasa tidak senangnya terhadap penayangan filem-filem lucu yang cukup berleluasa. Bagi menghadapi pertentangan pendapat antara yang menyokong dan menentang langkah ini, kerajaan telah menu buhkan 'Jawatankuasa Khas Parlimen', dengan tujuan untuk menilai pendapat umum tentang penayangan filem seks tersebut. Sebagai sebuah pertubuhan Islam yang memandang berat kegiatan yang mengancam nilai-nilai moral ini, PKPIM menghantarkan memorandum dengan 13 alasan, kepada jawatankuasa itu. Dalam memorandum tersebut PKPIM juga mengesyorkan langkah-langkah yang patut diambil.<sup>19</sup>

Selain itu, PKPIM juga menggunakan bahan-bahan terbitannya bagi menyampaikan wawasan dan missinya. Misalnya, majalah SUARA S/SWA, bilangan 2, keluaran Disember 1970, telah memuat berita-berita tentang penderitaan umat Islam di selatan Thailand. Dalam berita utamanya bertajuk "Pattani Bagaimana Penyelesaiannya?", majalah ini tanpa berselindung mendedahkan berita-berita perjuangan rakyat Pattani dalam usaha mereka menentang kezaliman kerajaan Thailand. Akibatnya, kerajaan menarik balik kebenaran untuk menerbitkan majalah ini dengan alasan untuk mengelakkan keretakan hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Thailand.

---

<sup>19</sup> Lihat *Laporan Tahunan PKPIM 1987/1972* berkaitan dengan Memorandum kepada Jawatankuasa Parlimen.

PKPIM adalah antara pihak yang menentang campur tangan Israel dalam Perang Arab-Israel pada tahun 1973 dengan mengadakan demonstrasi di hadapan kedutaan Amerika Syarikat di Jalan Ampang pada Oktober 1973. Demonstrasi di depan kedutaan yang sama diadakan sekali lagi oleh PKPIM bersama-sama beberapa pertubuhan lain pada akhir tahun 1982 selepas Israel melakukan pembunuhan beramai-ramai di Sabra dan Shatila. Di samping itu, PKPIM juga tidak ketinggalan menganjurkan beberapa demonstrasi, dengan mengetengahkan isu-isu tempatan, misalnya, isu Bahasa Kebangsaan (1970), isu Pembalakan Bangi (1972) dan Kelaparan di Baling (1974).<sup>20</sup>

Sebelum dipindanya Akta Universiti dan Kolej pada tahun 1975, demonstrasi merupakan *trend* dan kaedah bagi para pelajar menyuarakan sesuatu isu. Tindakan seperti ini dianggap perlu sebagai cetusan rasa dalam menanggapi permasalahan semasa yang berlaku. Memang tidak dinafikan selepas tahun 1975, sesuai dengan sekatan-sekatan yang berlaku, PKPIM tidak lagi menggunakan demonstrasi untuk memperjuangkan sesuatu. Kalaupun ada demonstrasi, ia diadakan di tempat yang terkawal dan dalam jangka masa yang pendek. Memandangkan demonstrasi adalah antara kaedah yang menjadi ciri penting untuk menentukan adakah sesuatu pertubuhan boleh dianggap sebagai kumpulan pendesak, sementara PKPIM menggunakan cara ini, termasuk sepanjang tahun 1975 – 1985, maka bolehlah diiktiraf akan kedudukannya sebagai kumpulan pendesak.

#### **4.1.3. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)**

Angkatan Belia Islam Malaysia adalah di antara pertubuhan yang memperjuangkan cita-cita Islamiah melalui risalah dakwah. Memandangkan politik

---

<sup>20</sup>Lihat Bab 3 (3.2)

adalah aspek penting dalam sistem berparlimen di negara ini, di samping merupakan aspek yang tidak dapat dipisahkan sama sekali dengan Islam, maka wajar kalau ABIM tidak 'mengasingkan diri' dalam perkara yang berkaitan dengan politik sama ada diperangkat nasional mahupun antarabangsa. Malah apa juga persoalan yang menyangkut sebagai tanggungjawab mereka sebagai sebuah gerakan Islam. Dalam masa yang sama, slogan 'ABIM sebagai Juru Bicara Ummah' yang dilaungkan oleh para pemimpinnya, cukup jelas membuktikan bentuk dan sasaran perjuangannya. Dalam konteks ini, M.L. Lyon ada mengatakan,<sup>21</sup>

"The aims of ABIM bear rather directly on politics for its objectives encompass changes in government policy and structure of party politics in Malaysia".

Dilihat dari segi dasar dan sumber perjuangannya, ABIM dan Parti Islam Se Malaysia (PAS) mempunyai beberapa persamaan. Ini kerana, kedua organisasi tersebut ada memperakui bahawa Al-Qur'an dan Al-Sunnah sebagai sumber asasi pergerakan dan perjuangan.<sup>22</sup> Lantaran itulah bilamana kewibawaan PAS terjejas kerana menubuhkan kerajaan campuran dengan Perikatan pada tahun 1974, maka golongan pemuda Islam melihat ABIM sahaja yang benar-benar menarik untuk disertai. Namun begitu, perjuangan atau *uslub al-dakwah*, di mana PAS menggunakan pilihanraya sebagai medan dan saluran perjuangannya, sementara ABIM lebih merupakan pertubuhan belia Islam yang menjadikan 'dakwah' sebagai *uslub asasinya*.<sup>23</sup>

<sup>21</sup> Lyon, M.L., "The Dakwah Movement in Malaysia", dalam *Assyahid : Journal of Muslim Youth Assembly*, Vol.1, Number 1, 1983, hal. 115.

<sup>22</sup> Sebagai perbandingannya, lihat *Perlembagaan PAS*, Salinan Bil. R.S.M. 26/52(49), PPPPg., Pasal 3-7.

<sup>23</sup> Untuk keterangan lanjut, lihat Ucapan Dasar, "Menyahut Cabaran Abad Kebangunan" sempena **Muktamar Senawi ABIM ke 12**, di Kolej ke 12, Kelang pada 30 Julai 1983.

Walaupun perlembagaan ABIM memperuntukkan dengan jelas bahawa ABIM dalam pergerakannya, tidak akan melibatkan diri dalam mana-mana parti politik, atau lebih popular dengan istilah 'non-partisan', tetapi kalangan tertentu serta pihak kerajaan sendiri ada menaruh kecurigaan terhadap ABIM berdasarkan beberapa realiti dan insiden tertentu.<sup>24</sup> Lebih-lebih lagi beberapa orang tokoh pimpinan ABIM telah turut bertanding dalam pilihanraya umum 1978 atas tiket PAS.<sup>25</sup> Suatu hal yang perlu disedari ialah, mereka ini sebenarnya telahpun meletakkan jawatan masing-masing sebelum menyertai pilihanraya tersebut. Sebagai warganegara *de facto*, maka rasional dan adil bagi mereka menyertai proses demokrasi atau pilihanraya selaras dengan peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia sendiri. Dalam pada itu, kecurigaan terhadap ABIM ini, mungkin antara lainnya berasaskan 'gabungan' antara ABIM dengan PAS.<sup>26</sup>

ABIM mempunyai sebuah majalah rasmi, iaitu 'Risalah' yang menjadi media dalam penyebaran berita, maklumat, suara-suara dan *fikrah* (pemikiran) pimpinannya dalam rangka memperjuangkan prinsip kebenaran dan keadilan. Di samping itu, majalah-majalah lain juga turut diterbitkan dalam usaha untuk membina kefahaman Islam dan *wahdat al-fikr* (kesatuan pemikiran) di kalangan ahli-ahlinya dan masyarakat Islam seluruhnya. Melalui media inilah, segala pandangan, sikap, pendirian dan juga kritikan dapat ditonjolkan dari masa ke masa. Biasanya, majalah tersebut memuatkan ucapan-ucapan pimpinannya yang dibuat di muktamar, simposium, forum, seminar dan perjumpaan tertentu serta turut memuatkan kenyataan-kenyataan akhbar berhubung

---

<sup>24</sup>Lihat *Perlembagaan ABIM*, bab 3 (3.1.2)

<sup>25</sup>Antaranya termasuk Fadhil Noor(bekas Timbalan Presiden ABIM), Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman, (bekas penasihat Undang-Undang ABIM), Nakhaie Ahmad (bekas Ketua Biro Dakwah ABIM ) dan Haji Abdul Hadi Awang (bekas Yang DiPertua ABIM Terengganu).

<sup>26</sup>Bruce Gale, *Malaysia : Its Political and Economic Development*, Petaling Jaya : Pelanduk Publications, 1986, hal. 89.

dengan isu-isu tertentu. ABIM juga secara tidak langsung pernah menyertai demonstrasi,<sup>27</sup> membuat desakan-desakan melalui memorandum tertentu<sup>28</sup> dan pernah pula menganjurkan kempen-kempen berhubung dengan isu-isu yang dianggap penting dan mendesak.<sup>29</sup>

Adalah suatu realiti yang tidak dapat dinafikan bahawa bentuk atau corak kepimpinan ABIM betanggungjawab menentukan haluan dan strategi perjuangannya dalam jangkamasa tertentu. Kenyataan ini dapat dilihat melalui era kepimpinan Anwar Ibrahim dan kepimpinan selepasnya sehingga ke hari ini. Walaupun Anwar Ibrahim bukanlah pemimpin ABIM seumur hidup, namun umumnya adalah diakui bahawa kepimpinannya dalam pergerakan ABIM begitu menonjol dan paling popular, sehingga ada kalangan yang mensifatkan beliau dan ABIM adalah dua elemen yang tidak dapat dipisahkan. Lebih-lebih lagi kemasukan beliau ke dalam gelanggang pilihanraya dan seterusnya menyertai kabinet pada tahun 1982, sehingga menyebabkan imej dan populariti ABIM sebagai badan dakwah yang tegas, lantang dan kritikal seolah-olah memasuki zaman menurun, atau setidak-tidaknya masih menjadi 'teka-teki' di kalangan tertentu sehingga sekarang. Dalam hubungan ini, Siddiq Fadhil selaku Pemangku

---

<sup>27</sup>Dalam tahun 1974, ABIM dikatakan turut terlibat dalam demonstrasi Baling dan Pelajar. Berikut dengan peristiwa ini, Anwar Ibrahim ditangkap di bawah ISA pada 31 Disember 1974. Lihat Hassan Karim dan Siti Nor Hamid, *With The People : The Malaysian Student Movement 1967–1974*, INSAN : Petaling Jaya , 1984, hal. 55; lihat juga *Risalah*, Tahun Pertama, Bil. 4, Disember 1974.

<sup>28</sup>Antaranya ABIM melalui Anwar Ibrahim pernah menandatangani memorandum Cadangan Pindaan Akta Pertubuhan 1966 dalam tahun 1981 dan pernah menghantar memorandum mengenai Dasar Pelajaran pada tahun 1978. Lihat *Risalah*, Tahun ke 5, Bil. 4, 1979, hal. 3.

<sup>29</sup>ABIM ada menganjurkan "Hari Perpaduan Pembebasan Iran", di Dewan Al-Malik Faisal untuk menyokong Revolusi Islam Iran pada 11 Mac 1979. Lihat *Risalah*, Tahun ke 5, Bil. 2, 1979, hal. 29.

Presiden ABIM semacam ada mengakui bahawa detik 1982 sebagai 'turning point' dalam sejarah perjuangan ABIM. Beliau menyebut,<sup>30</sup>

"Muktamar ke XI menghantar kita semua ke ambang pintu tahun kedua (dekad kedua) dalam perjuangan Islamiah menerusi wadah Angkatan Belia Islam Malaysia. Insya Allah, dari sini kita akan terus menapak ke hadapan, menyongsong hari esok dan segala situasi-situasi barunya yang serba mencabar."

Kenyataan ini mungkin dapat diperkuatkan dengan sikap dan beberapa perubahan yang berlaku di dalam pucuk pimpinan ABIM sehingga hari ini.<sup>31</sup> Apa yang dapat dijelaskan ialah, sejak kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam Kabinet Mahathir, sokongan dan kerjasama yang ditunjukkan oleh ABIM terhadap dasar-dasar kerajaan, khususnya program Islamisasi dan mungkin terhadap UMNO sendiri, adalah berbeza dengan sebelumnya. Dalam menganggapi persoalan ini, Mohd Nor Nawawi mensifatkan peranan positif Anwar Ibrahim dalam perlaksanaan dasar Islamisasi serta kesediaan Mahathir telah menyebabkan pimpinan ABIM mengambil sikap berkerjasama dalam hal-hal yang baik dan menguntungkan Islam. Seterusnya beliau ada menyebut,<sup>32</sup>

"Ini menunjukkan kematangan berfikir dan sesuai dengan pendekatan ABIM yang lalu, keupayaan pimpinan membaca percaturan dan perubahan iklim politik negara dan menyesuaikan tindak-tanduk dan pergerakannya dalam keadaan itu."

Barangkali harus diakui, bahawa ABIM telah menjadi pertubuhan yang banyak diperkatakan dan mendapat perhatian yang besar. Antara yang menarik adalah

<sup>30</sup> Siddiq Fadhil, "Menyahut Cabaran Abad Kebangunan", Ucapan Dasar Muktamar Senawi ABIM ke 12, Kelang, Kolej Islam, 3-5 September , 1982, hal. 1-2.

<sup>31</sup> Antaranya, kemauskhan Kamarudin Jaafar, bekas Setiausaha Agung ABIM dan Kamaruddin Mohd Nor, bekas Naib Presiden ABIM ke dalam UMNO serta beberapa tokoh-tokoh ABIM pusat dan negeri dilantik memegang jawatan penting dalam institusi dan agensi-agensi kerajaan seperti Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Takaful dan Jabatan Perdana Menteri.

<sup>32</sup> Mohd Nor Nawawi, "Gerakan Islam di Malaysia". Kertas kerja Seminar Gerakan Islam di Dunia Melayu sempena Muktamar Senawi ABIM ke 15 di UIA, Petaling Jaya, 15-16 Disember 1986.

pendekatannya yang melihat bahawa dalam konteks Malaysia, perjuangan Islam memerlukan pendekatan alternatif dengan percubaan-percubaan tersendiri. ABIM telah memilih untuk tidak terlibat secara langsung di dalam persaingan perebutan kuasa, tetapi sebaliknya memilih untuk menyampaikan Islam kepada rakyat dari berbilang parti dan kepada pemerintah melalui sikap berbaik dengan semua tanpa memilih kelompok.

Memang tidak dapat dinafikan, bahawa walaupun ABIM bukan sebuah parti politik dan tidak bersedia untuk menggabungkan dirinya dengan mana-mana parti politik, tetapi ia tetap prihatin dengan isu-isu politik bagi mempertahankan kedaulatan dan 'survival' perjuangan Islam.<sup>33</sup> ABIM telah memilih untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak, dan kerana itu ia tidak pernah menghalang anggotanya menyertai mana-mana parti politik, asal sahaja mereka tidak melibatkan organisasi ABIM di dalam kegiatan siasah parti-parti yang berkenaan.

Seperti kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO, maka penghijrahan mantan Timbalan Presiden ABIM , Ustaz Fadhil Noor ke dalam PAS pada tahun 1977 turut memberi impak yang besar kepada perlumbagaan politik negara secara amnya. Ia telah membuka ruang kepada sejumlah tenaga muda menyertai PAS dan kemudian mengambil alih dari golongan lama yang terpaksa menerima arus pembaharuan. Dalam konteks ini, ABIM mendokong apa yang telah diterima oleh ahli-ahlinya , seperti yang Jelas digambarkan oleh 'Garis besar haluan perjuangan' yang dikemukakan dalam Ucapan Dasar Presidennya di Muktamar ke X<sup>34</sup>,

---

<sup>33</sup>Mohd Anuar Tahir, *Pendirian Politik ABIM*, Kuala Lumpur : ABIM, 1993, hal. 15.

<sup>34</sup>Siddiq Fadhil, *Koleksi Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM*. Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Islam, 1989, hal. 15

"Keyakinan kita yang bulat kepada wadah gerakan Islam sebagai wasilah yang paling berkesan ke arah pencapaian cita-cita Islam tidak pula menjelaskan kesediaan kita untuk bekerjasama dengan pihak-pihak lain dalam hal-hal yang membawa masalah dan kebaikan kepada Islam dan umat atas dasar *at-ta'wun 'ala-'l-birr-* kerjasama dalam hal-hal kebaikan".

Namun begitu, sebagai wadah yang menjadikan dakwah dan tarbiah sebagai pendekatannya, ABIM sedar bahawa dia tidak akan mampu untuk bergerak dengan berkesan, sekiranya ia tidak berperanan sebagai pendesak dan menjadi satu 'force' politik yang bebas. Oleh itu, dalam menentukan sebarang pendirian, ABIM tidak perlu mengambil kira kepentingan mana-mana parti politik. Ia harus meletakkan kepentingan ummah di atas kepentingan semua parti politik. Ia harus memperhitungkan bahawa ruang lingkup dakwah sentiasa terbuka luas di pelbagai sektor sekiranya ia tidak membataskan dirinya untuk menyokong bulat-bulat mana-mana parti politik. Kebebasan bergerak yang diperolehnya di negara ini adalah kerana sikap terbuka yang diambilnya sejak sekian lama.<sup>35</sup> Selaras dengan itu, maka ABIM telah memberi tidak kurang dari 20 desakan, reaksi, pandangan dan saranan terhadap banyak isu, sama ada untuk pihak pemerintah, pertubuhan atau kumpulan, termasuk individu di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.<sup>36</sup>

Berdasarkan aktiviti-aktiviti, skop dan 'modus operandi' seperti yang dibincangkan di atas, sudah memadai untuk dikatakan bahawa ABIM adalah kumpulan pendesak kerana memenuhi sebahagian besar dari ciri-ciri yang telah dibincangkan oleh para sarjana di atas.

---

<sup>35</sup>Ibid, hal. 18-19.

<sup>36</sup>Angkatan Belia Islam Malaysia, *ABIM dengan isu-isu semasa 1990-1992*, Kuala Lumpur : ABIM, 1992.

#### **4.1.4. Al-Arqam**

Jemaah Al-Arqam yang bermula sebagai sebuah *halaqah* (*study circle*)<sup>37</sup>, turut memainkan peranan dalam menangani kemelut umat Islam di negara ini.<sup>38</sup> Secara umum dapat dikatakan bahawa sehingga pertengahan dekad 70-an, belum banyak yang dapat diperkatakan tentang komitmennya yang menyeluruh. Ini sejajar dengan usianya yang masih muda dan pendekatannya yang lebih mengutamakan pembinaan dalam bagi menyediakan para pendukung yang menjadi para petugas dan pendakwahnya.

Selaras dengan perjuangan untuk membentuk masyarakat Islam dalam ertikata yang sebenar, maka pada tahap ini, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakannya lebih banyak bercorak konvensional. Ini termasuklah kelas fardhu 'ain yang diadakan di perkampungannya di Sungai Penchala, Kuala Lumpur. Kelas ini mendapat sambutan termasuklah daripada orang kenamaan dan yang tinggal di luar Kuala Lumpur.<sup>39</sup> Ilmu-ilmu yang berhubung dengan tauhid, feqah, tafsir adalah antara yang diajarkan dalam kelas-kelas fardhu 'ain ini, dengan penekanan dan harapan agar masyarakat menghayati dan mengamalkannya. Kemuncak dari kelas-kelas fardhu 'ain ini ialah Program Tamrin sekurang-kurangnya tiga hari dua malam.<sup>40</sup>

Al-Arqam percaya bagi mewujudkan sebuah negara Islam harus bermula dari pembentukan kumpulan masyarakat yang menghayati cara hidup Islam, termasuk cara

<sup>37</sup> Beberapa kajian ilmiah telah dijalankan ke atas jemaah ini. Misalnya lihat Fadhlullah @ Fadzillah bin Mohd Jamil, "The Reawakening of Islamic Consciousness in Malaysia : 1970 – 1987." Doctoral Thesis. University of Edinburgh, 1987, hal. 159-170.

<sup>38</sup> Abdul Kadir Ahmad, "Al-Arqam Kini Menjadi Tumpuan Umat" dalam *Utusan Kiblat*, Bil. 19. Julai, 1983, hal. 57-58.

<sup>39</sup> *Berita Minggu*, 25 Oktober 1985.

<sup>40</sup> Temubual dengan bekas petugas di perakampungan Al-Arqam, Sungai Penchala.

berpakaian dan bergaul mengikut lunas-lunas yang di benarkan oleh Al-Qur'an dan Sunnah. Dengan ini, maka dibukalah beberapa kampung Islam yang didalamnya terdapat masjid, madrasah, kedai dan rumah.<sup>41</sup> Di samping itu juga, keistimewaan pergerakan ini ialah bila ia dikata merupakan jemaah yang pertama mengamalkan konsep ekonomi berdikari, dengan penekanan kepada semua aktiviti perekonomian, termasuk pertanian dan penternakan.<sup>42</sup> Demikian juga hasil penerbitan pergerakan ini seperti majalah Al-Arqam, Al-Munir, Al-Mukminah(majalah untuk wanita) dan Al-'Ayn (majalah kanak-kanak dikatakan memberi kesan mendalam kepada masyarakat, meskipun nilai akademiknya boleh dipersoalkan.<sup>43</sup>

Apa yang ingin diperkatakan di sini ialah Al-Arqam mengambil pendekatan yang berbeza dalam usaha bagi mencapai matlamatnya. Memang diakui bahawa Al-Arqam turut menjadi kumpulan pendesak apabila mereka juga tidak ketinggalan mengkritik atau mengimbau kerajaan supaya lebih serius, terutamanya dalam program-program Islamisasinya. Tetapi caranya berbeza kalau dibandingkan, khususnya dengan ABIM. Jemaah ini secara langsung melaksanakan projek-projeknya sendiri sebagai model yang boleh diikuti oleh pihak lain. Sekalipun apa yang mereka lakukan itu di peringkat kecil-kecilan. Sebenarnya, ini adalah cabaran terbuka kepada sistem masyarakat yang sedia ada, dan ini merupakan kritikan kepada kerajaan yang masih keberatan membentuk sebuah masyarakat dan negara Islam.

---

<sup>41</sup> Di Sungai Penchala sahaja, misalnya, pergerakan ini membina 50 buah rumah dan masing-masing sebuah sekolah, surau dan kedai. Lihat Abdul Ahmad, "Perkampungan Darul Arqam : Sekolah Tidak, Pondok pun Tidak", dalam *Dewan Masyarakat*, September, 1976, hal. 10.

<sup>42</sup> Keterangan lanjut, lihat Ahmad Kamsi, "Kegiatan Dakwah Darul Arqam Meningkat", dalam *Utusan Zamann*, 17 Disember 1978.

<sup>43</sup> *New Straits Times*, 28 Julai 1986.

#### **4.1.5. Jamaat Tabligh**

Seajar dengan kedudukannya sebagai sebuah gerakan Islam yang tidak bercorak keterlaluan, Jamaat Tabligh dilihat sebagai yang paling kecil memberi kesan ke atas proses politik nasional.<sup>44</sup> Ia berbeza sekali dengan jemaah-jemaah Islam lainnya di negara ini, terutamanya kalau ditinjau dari sudut pendekatan, organisasi dan kegiatannya. Ia merupakan sebuah pergerakan yang tidak berdaftar, tidak mempunyai struktur organisasi yang komprehensif dan sekaligus tidak membenarkan penglibatan wanita dalam kegiatan-kegiatan keagamaan yang didominasi oleh lelaki.<sup>45</sup> Namun begitu kehadiran mereka di dalam masyarakat dirasakan sekali, dan ia turut mendapat sambutan dari pelbagai lapisan masyarakat, termasuk dari pegawai tinggi kerajaan. Misalnya, Allahyarham Haji Ismail Panjang Aris, bekas setiausaha kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama di Jabatan Perdana Menteri, adalah seorang pemimpin utama Jamaat Tabligh di negara ini sehingga beliau pulang ke rahmatullah pada tahun 1987.<sup>46</sup>

Seperti mana Al-Arqam, cara pengikut Jamaat Tabligh ini juga mudah dikenali, terutamanya dari bentuk pakaian, ketayap, misai dan janggutnya yang panjang. Mereka juga tidak begitu peduli dengan aspek-aspek kehidupan yang lainnya, kerana keutamaannya ialah bagaimana mereka boleh beribadat, malah kalau mungkin pada setiap waktu.<sup>47</sup> Berkaitan dengan ini, para pengikutnya juga semacam 'diwajibkan'

<sup>44</sup> Gunawan, "Tabligh Bukan Dakwah Yang Extreme" dalam *Utusan Qiblat*, Bil. 19, Julai, 1980, hal. 4.

<sup>45</sup> Mohd Nor Manutu, "Perception of Social Change in Contemporary Malaysia : A Critical Analysis of ABIM's Role and Its Impact Among The Muslim Youth. Doctoral Dissertation. Temple University, 1988, hal.135.

<sup>46</sup> Ibid, hal. 136.

<sup>47</sup> Pengalaman penulis mengikuti jamaat ini ketika belajar di UKM.

memberi tumpuan kepada dakwah selama tiga hari dalam sebulan, empat puluh hari dalam setahun, dan 4 bulan dalam seumur hidup. Komitmen ini juga mungkin membawa mereka mengikuti kursus-kursus atau ijtimak, terutamanya di India dan Pakistan.

Walaupun baik, tetapi kegiatan seperti itu ternyata telah menimbulkan reaksi negatif, tertutamanya di kalangan setengah ahli masyarakat yang melihatnya sebagai tidak bermakna kerana masa dan tenaga yang mereka gunakan untuk kegiatan dakwah, menyebabkan mereka mengabaikan tanggungjawab lain. Kebiasaan mereka menjadikan masjid atau surau sebagai tempat tinggal sementara ketika berdakwah, dan soal kebersihan diri dan persekitaran yang seolah-olah diabaikan, turut memberi kesan sehingga ada yang kemudian mengharamkan kegiatannya.<sup>48</sup>

Tetapi, begitupun harus diakui Jamaat Tabligh ini ada kelebihan dan peranannya dalam meningkatkan penghayatan Islam di kalangan orang awam. Keistimewaan ia ialah kejayaan dalam menjalin ‘Ukhuwwah Islamiyah’ yang hakiki sehingga ia mempunyai rangkaian di seluruh pelosok bumi. Pendekatan dakwahnya dengan berkunjung dari rumah ke rumah, juga langkah yang baik kerana mungkin dapat menarik anggota-anggota masyarakat yang mungkin selama ini merasa tersisih daripada arus penghayatan agama kerana kejahilan.

Kedudukan dan peranan Jamaat Tabligh sebagai kumpulan pendesak tidak harus dinafikan. Lebih jauh ada yang menganggap ia mempunyai keistimewaan tertentu, kerana menggunakan acuan sendiri dalam metodologi dakwahnya, iaitu memperbaiki akidah umat terdahulu melalui segala bentuk peribadatan, dengan keyakinan bahawa

---

<sup>48</sup> Fadhlullah @ Fadzillah bin Mohd Jamil, op.cit, hal. 185.

keimanan yang sempuma akan menyebabkan tindak tanduk mereka kelak bercorak Islam.

#### **4.2. Pergerakan Islam dan kebangkitan Islam di Malaysia**

Kebangkitan Islam<sup>49</sup> sebagai fenomena sosial yang positif muncul menjadi faktor penting yang mempengaruhi perjuangan dalam membimbing ummah kembali kepada ajaran Islam yang hakiki.<sup>50</sup> Secara umum, kebangkitan ini ditanggapi dengan pelbagai persepsi. Antara lain ia dilihat semata-mata sebagai proses sejarah, dan ada juga yang meramalkan kebangkitan ini akan hidup dan berdampingan dengan fahaman atau kebudayaan yang lain.<sup>51</sup> Apa yang menarik, rantau Asia bukan sahaja dijadikan fokus dalam membicarakan kebangkitan ini, tetapi Malaysia turut diberi tumpuan istimewa seolah-olah kebangkitan ini telah menjalar ke seluruh pelosok tanah air.<sup>52</sup> Dalam hubungan ini, gelombang kebangkitan itu dilihat sebagai menjurus ke arah mengembalikan Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap, merangkumi semua aspek individu, kemasyarakatan dan kenegaraan.<sup>53</sup>

"Islamic resurgence refers to the increasing prominence and politicization of Islamic ideologies and symbols in Muslim societies and in the public life of Muslim individuals."

<sup>49</sup> Sarjana-sarjana Islam mahupun Barat ketika membicarakan Kebangkitan Islam menggunakan terminologi seperti *Islamic Renaissance*, *The Rising Tide of Islam*, *Islamic Revivalism* atau *Islamic Resurgence*. Lihat Kemal A. Faruki, "The Islamic Resurgence : Prospects and Implication" dalam John L. Esposito (ed.) *Voice of Resurgent Islam*, New York : Oxford University Press, 1983, hal. 272-291. Lihat juga majalah *Time*, 16 April, 1976.

<sup>50</sup> Dibahas secara mendalam dalam Rusydi Hamka-Iqbal(ed.), *Kebangkitan Islam dalam Pembahasan*, Jakarta : Yayasan Nurul Islam, tanpa tahun.

<sup>51</sup> Prof. Wilfred Cantrell Smith dalam bukunya *Islam in Modern History*, Princeton : University Press, 1957, meramalkan bahawa kebangkitan Islam bukan terjadi di negara-negara Arab, tetapi lebih ke timur, iaitu Pakistan atau Indonesia.

<sup>52</sup> Lihat *Asia Week*, 24 Ogos, 1979 dan *Far Eastern Economic Review*, 9 Februari, 1979.

<sup>53</sup> Ali E. Hillal Dessouki, *Islamic Resurgence in the Arab World*, New York : Praeger Publisher, 1982, hal. 4.

Pada asasnya terdapat tiga faktor yang dapat dilihat sebagai membantu proses kebangkitan ini. Pertama, ikatan akidah melalui persamaan cara hidup atau persamaan '*ukhuwwah*' yang berdasarkan AL-Qur'an dan Sunnah. Kedua, cabaran-cabaran yang mengugat umat Islam, seperti penindasan, yang ternyata membantu memperkuat perpaduan bagi menanggapi masalah tersebut. Ketiga ada hubungannya dengan anugerah Ilahi dalam berbagai bentuk, seperti minyak, sehingga memungkinkan negara-negara Islam yang kaya membantu mendirikan pusat-pusat Islam di beberapa negara di Eropah dan Afrika yang kemudian berperanan sebagai pusat bagi menyatu dan meningkatkan daya juang umat Islam.

Di samping itu, harus diakui bahawa kebangkitan Islam ini ditandai dengan semakin pentingnya peranan kaum intelek. Ini ada hubungannya dengan kesedaran bahawa kebangkitan ini hanya akan memberi hasil yang positif kalau ia diiringi dengan kemampuan umat berfikir secara sistematis, analitis dan kritis. Lebih jauh dari itu, kebangkitan ini memerlukan pengisian yang konkret dan menyeluruh dan berkemampuan untuk mengemukakan Islam sebagai alternatif dalam semua bidang, sehingga Islam secara praktikalnya mampu menghasilkan suatu perubahan yang bermakna demi kesejahteraan sejagat.

Perlu disebutkan bahawa kebangkitan Islam dalam konteks sejagat tercetus setelah umat Islam mengalami zaman kemunduran, khususnya setelah kejatuhan kerajaan Turki 'Uthmaniyyah pada tahun 1924.<sup>54</sup> Ia berkaitan dengan dasar imperialism dan kolonialisme Barat, iaitu lanjutan dari 'Al-Salibiyah (*The Crusade*) yang terjadi

---

<sup>54</sup>Keterangan lanjut lihat Anwar Qadri, *Justice in Islam*, Lahore : Sh. Muhammad Ashraf Kashmir Bazar, 1968, hal. 68.

antara Dunia Islam dan Kristian. Umat Islam yang majoritinya dijajah, bukan saja mengalami penjajahan politik, tetapi juga pernah melalui apa yang disifatkan sebagai 'a process of deislamization' atau '*intellectual and cultural assassination*'.

Sehubungan dengan ini, seorang *mujaddid* Islam terkemuka, Malik bin Nabi (Malik Bennabi) menganggap bahawa penjajahan dalam bentuk sedemikian rupa adalah suatu perencanaan dan tajaan musuh-musuh Islam guna untuk memesongkan akidah umat Islam sehingga berupaya melahirkan individu-individu Muslim yang hanya Islam pada nama, tetapi hati dan cara hidupnya dicemari oleh pemikiran dan kebudayaan Barat. Malah lebih jauh dari itu, gerakan tersebut turut bertanggungjawab dalam menganjurkan sekularisme<sup>55</sup> dan pemisahan ilmu (*departmentalization of knowledge*) dan mengembangkan Darwinisme.<sup>56</sup>

Dalam suasana pembudayaan Barat ini, telah lahir gerakan-gerakan pembaharuan, terutamanya di Timur Tengah dan Afrika<sup>57</sup> dalam rangka untuk mengembalikan semula umat Islam kepada akidah yang murni dengan meninggalkan

---

<sup>55</sup> Yusuf Qardawi dalam ceramahnya di Masjid 'Islamic African Centre' Khartoum, Sudan pada bulan Disember 1990. (penulis hadir sebagai pelajar di pusat itu) menyenaraikan lima penghalang kebangkitan Islam:

1. Sekularisme
2. Nativisme(kepercayaan lama yang cuba dibangkitkan kembali)
3. Ajaran sesat
4. Sistem pendidikan dualisme
5. Jurang generasi tua-muda

<sup>56</sup> Lihat John L. Esposito (ed.), "Modern Egypt" dalam *Islam and Development*, New York : Syracuse University Press, 1980, hal. 49-70.

<sup>57</sup> Antaranya adalah *Ikhwan al-Muslimin* di Mesir, *Al-Mahdi* di Sudan, *Al-Sanusiyyah* di Afrika Utara, *Al-Nursi* di Turki dan *Jama'at el-Islami* di Pakistan. Lihat Maryam Jameelah, *Suka Duka Gerakan Islam di Dunia Arab*(terjemahan), Kuala Terengganu : Penerbitan Gedung Ummah, 1984, hal. 49.

amalan *bid'ah* dan *khurafat*. Pada dasarnya, gerakan-gerakan ini berusaha untuk menjadi sebuah gerakan massa yang akan menegakkan syariat Islam di bumi ini,<sup>58</sup>

"The important aspect of the mission of the Islamic movement has been their emphasis on Islam, not just as a set of beliefs and rituals, but as a moral and social movement to establish the Islamic order."

Selain itu, gerakan pembaharuan ini menjadi model dan sumber rujukan kepada pergerakan-pergerakan Islam yang lahir kemudiannya. Pada hakikatnya, pergerakan Islam yang baru ini merupakan satu kesinambungan yang menjadi jambatan penghubung dalam rangkaian pergerakan Islam di seluruh pelosok dunia ini.<sup>59</sup>

Dalam konteks Malaysia, perkembangan yang berlaku itu memberi beberapa kesan. Pertama, ia mempengaruhi perjuangan pergerakan Islam yang lebih awal lahir seperti PAS. Kedua, ia membuka ruang bagi pergerakan Islam di negara-negara lain untuk masuk dan menyebarkan misi dan pendekatannya, seperti berkembangnya ajaran Jamaat Tabligh dari India di negara ini. Ketiga, arus ini mendorong lahirnya pergerakan-pergerakan Islam yang baru seperti ABIM dan Al-Arqam.

Perlu disebutkan, suasana kebangkitan Islam di negara ini memang cukup terasa dan menimbulkan berbagai-bagai reaksi. Di pihak masyarakat, minat untuk menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah-sekolah aliran agama begitu ketara sekali. Ini sekaligus mendorong jemaah-jemaah Islam, terutamanya PAS, ABIM dan Al-Arqam

---

<sup>58</sup> Khurshid Ahmad, "The Nature of Islamic Resurgence" dalam John L. Esposito (ed.), op. cit., hal. 222.

<sup>59</sup> Ibid.

untuk menubuhkan lebih banyak institusi pendidikan mereka, malah sampai ke peringkat tinggi.<sup>60</sup>

Masyarakat Islam juga kian cenderung dengan program-program yang bercorak keagamaan, yang ditandai dengan bertambahnya bilangan mereka yang mendengar ceramah bermusim, pengajian harian dan kuliah mingguan sama ada di masjid-masjid, institusi pengajian atau tempat terbuka. Cara berpakaian mereka juga mulai selari dengan tuntutan Islam, dan mereka juga bertanggungjawab menunaikan perintah agama seperti bersedekah atau menunaikan zakat. Sama ada disedari atau tidak, perubahan ini secara tidak langsung ada kaitannya dengan peluang yang diberi oleh pemerintah kepada anak-anak orang Melayu (Islam) untuk belajar sehingga ke peringkat universiti baik di dalam maupun di luar negeri, terutamanya setelah Dasar Ekonomi Baru dilancarkan pada tahun 1970 selepas berlakunya peristiwa 13 Mei 1969. Sebahagian dari pelajar-pelajar itu bukan sahaja berjaya dalam bidang akademik seperti yang diharapkan, tetapi mereka juga sebenarnya menjadi agen perubahan yang membantu menyedarkan masyarakat kembali kepada ajaran Islam, terutamanya melalui Program Baktasiswa.

Sementara itu, harus diakui adanya perasaan rimas pada pihak kerajaan berhubung dengan arus kebangkitan Islam. Dalam dekad 70-an, UMNO sebagai tonggak kerajaan yang memerintah negara ini, semakin menyedari perlunya menangani kebangkitan ini, di samping berusaha mempertahankan sokongan daripada anggota

---

<sup>60</sup> ABIM agak ke depan dalam hal ini kerana selain membuka Taman Asuhan Kanak-Kanak Islam (TASKI) sejak 1985, Sekolah Rendah Islam (SRI) sejak 1989 dan Sekolah Menengah Islam (1991), ia juga memperkenalkan peringkat Sijil dan Diploma Lepasan Ijazah di Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam di pusat latihannya di Sungai Ramal, Kajang sejak 1989. Penulis adalah graduan sulung jurusan Diploma Pendidikan Islam Pasca Ijazah yang menamatkan pengajian pada pertengahan tahun 1990.

tradisinya. Baik secara terbuka ataupun peribadi, para pemimpin UMNO menunjukkan sikap optimis mereka menangani hal ini, termasuk dengan menggunakan muslihat seolah-olah menyokongnya.<sup>61</sup>

Dengan serta merta anggota masyarakat yang bersangkutan dalam perjangan ini dicap sebagai ekstrim atau pendakwah songsang, dan seorang pemimpin kerajaan pernah menyatakan bahawa tiga ancaman utama kepada masyarakat, iaitu dadah, komunisme dan ekstrimisme agama. Serentak dengan itu, beberapa usaha dilakukan untuk menghubungkan mereka dengan kelompok fundamentalis Islam antarabangsa dan dengan kumpulan-kumpulan pelampau yang merosakkan tempat-tempat ibadah. Di samping menggunakan media massa, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) juga digunakan untuk menahan mereka yang disyaki bersalah tanpa perbicaraan di mahkamah.

Bagaimanapun, sejak dekad 80-an, keadaan mulai berubah, terutamanya selepas Dr. Mahathir Mohamad dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia ke 4 pada 16 Julai 1981. Beliau bukan sekadar menerima kenyataan derasnya arus kebangkitan Islam ini, tetapi seolah-olah akur dengan fenomena sosial ini, apabila beliau melancarkan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan yang diiringi dengan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa, Takaful Islam dan melancarkan Dasar 70 juta penduduk.

Dalam hal ini, sebab-sebab kebangkitan itu sebenarnya berkaitan dengan kegiatan pendidikan kembali (*re-education*) mengenai Islam yang diterima oleh generasi muda di kalangan orang-orang Melayu, sementara kebangkitan yang berlaku di negara-

---

<sup>61</sup> *New Straits Times*, 1 Mei 1979.

negara Islam lainnya hanya mempercepatkan lagi proses pendidikan ini. Begitu juga halnya dengan peranan yang dimainkan oleh nilai dan idea barat dalam mencetuskan kesedaran Islam dalam masyarakat Melayu. Kekecewaan golongan yang terlibat terhadap falsafah dan sistem Barat sebagai jawapan kepada masalah kehidupan, sama ada di peringkat peribadi atau nasional, menambahkan minat mereka untuk merujuk sepenuhnya kepada Islam. Oleh itu tidaklah tepat kalau dikatakan bahawa kebangkitan Islam di Malaysia sekarang pada dasarnya timbul sebagai reaksi protes terhadap nilai atau idea Barat atau berpunca dari pengaruh kemunculan kembali Islam sebagai satu force dibeberapa negara Islam seperti Turki, Pakistan dan Iran.<sup>62</sup>

PAS, PKPIM, ABIM, Al-Arqam dan Jamat Tabligh adalah beberapa pergerakan Islam yang secara langsung mempunyai saham dalam membangkitkan semula Islam di negara ini, dan yang berkembang di tengah-tengah kesedaran Islam sekarang. Dari aspek persamaan, semua jemaah tersebut mempunyai satu matlamat serta pegangan perjuangan yang selari, iaitu untuk menjadi penggerak ke arah melahirkan masyarakat Islam yang berpegang kepada Al-Qur'an dan Sunnah. Ini sejajar dengan perintah Allah SWT dalam Al-Qur'an, Surah Ali Imran (3:104), mafhumnya,

"Dan hendaklah ada di antara kamu seglongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyeru kepada yang makruf dan mencegah dari yang munkar, dan mereka lah orang-orang yang berjaya."

Namun begitu, dari segi pendekatan dan sasaran perjuangan PAS dan PKPIM agak berlainan. PAS bukan sekadar memberi keutamaan kepada aspek politik, tetapi ia percaya bahawa sesbuah negara Islam akan dapat ditegakkan dalam masyarakat

---

<sup>62</sup> Mohammad Abu Bakar, "Kebangkitan Islam dan Proses Politik di Malaysia", Kertas kerja, Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Kuala Lumpur : 8-9 September 1979, hal. 1-2.

berbilang bangsa dan agama, sesudah dilaksanakan Undang-Undang Islam. Sementara PKPIM pula yang menjadikan pelajar dan institusi pendidikan sebagai medan perjuangannya berjuang dengan jemaah-jemaah lain untuk menanamkan semangat Islam di kalangan para pelajar supaya mereka menjadi manusia yang seimbang dalam aspek moral dan pencapaian akademik.

Sementara itu, ABIM dan Al-Arqam merupakan gerakan Islam fundamentalis yang menjadi faktor penting dalam masyarakat dan kini telah kuat mempengaruhi proses politik nasional.<sup>63</sup> Perjuangan yang ditaja oleh ABIM, terutamanya mempunyai hubungan langsung dengan proses politik nasional kerana objektifnya menyentuh dasar pemerintah dan cita-cita politik parti-parti Melayu khasnya. Sehubungan dengan itu, ABIM adalah antara yang mendesak pemerintah supaya melaksanakan undang-undang Islam dan menyeru masyarakat supaya kembali kepada Islam sepenuhnya, sama ada disampaikan dalam Muktamar Senawi, melalui ceramah, kenyataan akhbar atau penerbitannya.<sup>64</sup>

Bagi Al-Arqam, persoalan yang dibangkitkan agak terhad dan pada awalnya tidak berbau politik. Ini kerana pendekatannya lebih mengutamakan pembinaan peribadi secara individu, terutamanya di kalangan para pengikutnya, kerana mereka yakin bahawa kejayaan mendakwah masyarakat harus bermula dari diri dan keluarga. Sebagai gerakan fundamentalis, jemaah ini juga menyeru rakyat supaya berjuang bagi membentuk sebuah masyarakat yang didasarkan kepada 'agama yang diwahyukan', termasuk menekankan tentang pentingnya menghapuskan unsur-unsur jahiliah.

---

<sup>63</sup>Ibid, hal. 55

<sup>64</sup>Lihat lampiran 5.

Apa yang menarik tentang jemaah ini ialah usahanya mewujudkan perkampungan Islam untuk merealisasikan cara hidup seperti yang dilakukan oleh masyarakat pada zaman awal perkembangan Islam. Begitu juga dengan cara berpakaian dan usaha-usaha untuk memperkuatkan ekonomi ummah, yang tentunya memberi kesan terutama dalam jangka masa panjang. Apa yang pasti, sekalipun usaha-usaha ini hanya di peringkat yang kecil, tetapi ia berjaya menarik perhatian sebahagian anggota masyarakat sehingga ada yang sanggup menyesuaikan diri secara drastis dengan segala bentuk peraturan dan pendekatan yang dipakai oleh jemaah ini.

Meskipun penerimaan masyarakat terhadap pergerakan-pergerakan Islam tersebut adalah berbeza-beza, tetapi ia telah menjadi satu 'force' yang penting dalam arus kebangkitan Islam di negara ini. Namun, kebangkitan itu pasti tidak akan bermakna kalau umat Islam tidak berkualiti dan menjadi bangsa yang berwibawa, kerana kebangkitan ini tidak memadai diisi semata-mata dengan jihad 'berani mati'. Umat Islam harus menjadi bangsa yang berilmu. Di samping itu, perkara-perkara lain yang perlu dilakukan ialah:

1. Merubah imej serong yang menganggap mereka tidak dapat mengikuti perkembangan zaman atau sering ketinggalan kerana tidak peka dengan perkembangan semasa.
2. Islam harus ditampilkan dalam bentuk yang boleh menarik dan bukan menakutkan orang lain.
3. Generasi muda Islam harus dibimbing ke arah peningkatan kualiti hingga mereka mampu menangani masalah bangsa dan umat, arif dalam penelahan persoalan masa kini dan masa depan yang utuh.
4. Menanamkan sikap, yakni bersiap sedia untuk hijrah dari satu keadaan yang dhaif atau jahil kepada keadaan yang lebih baik, bertanggungjawab,

bersemangat dan mempunyai minat keagamaan yang mantap, di kalangan generasi muda Islam.

#### **4.3. Penilaian**

Sesudah disentuh beberapa perkara yang ada hubungannya dengan peranan PAS, PKPIM, ABIM, Al-Arqam dan Jamaat Tabligh sebagai kumpulan-kumpulan pendesak, sama ada di peringkat nasional atau dalam medan yang lebih kecil, seperti universiti-universiti tempatan, maka dapat dilihat bahawa jemaah-jemaah Islam ini ada peranan, pendekatan dan pengikut masing-masing. Mereka juga menghadapi kenyataan, ada yang menerima dakwahnya, memahami, menyokong serta turut sama, sementara ada pula yang menerima dakwahnya, memahami dan sanggup menunjukkan simpati sekalipun tidak semestinya melibatkan diri secara aktif.

Ada pihak yang menunjukkan sikap dingin terhadap dakwah mereka dan kurang menghiraukan perjalanannya, sementara pihak yang lain tidak begitu faham dengan aliran dakwah dan enggan berbicara tentangnya. Ada pula yang tidak faham serta menentangnya. Tidak terkecuali pihak yang mahu dan memihak kepada dakwah tetapi tidak merasa senang dengan kaedah yang digunakan oleh jemaah-jemaah tersebut. Ada juga yang merasa perlu untuk bersama arus dakwah untuk menjaga kepentingan mereka. Ini semua adalah hakikat umat dan menjadi permasalahan yang memerlukan tanggapan, penelitian dan kerjasama yang lebih bersepadu di antara pergerakan-pergerakan Islam di negara ini, kerana dakwah itu adalah nadi ummah.

Berhubung dengan kepelbagaiannya bentuk dan pendekatan antara pergerakan-pergerakan Islam tersebut, ia sebenarnya adalah satu hikmah kerana antara mereka boleh saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Berdasarkan pengalaman, PAS

mungkin boleh menyelaraskan segala kepentingan politik umat Islam. PKPIM menangani permasalahan pelajar, ABIM dengan aktiviti antarabangsa, Al-Arqam dengan perekonomian ummah, sementara Jamaat Tabligh dengan program kerohanian.

Apa yang diperlukan sekarang ialah menyelaraskan badan-badan dakwah ini dengan baik, supaya tidak bercanggah dan bertembung, bagi mengelakkan timbulnya masalah yang sukar diselesaikan. Ini kerana dalam zaman moden ini, di mana struktur sosial masyarakat begitu kompleks, perlu sekali dihadapi dengan gabungan pemikiran dan tenaga yang kukuh. Di samping itu, perselisihan harus dihindari, seperti nasihat Prof. Dr. Kamal Hassan<sup>65</sup>,

"Semua golongan atau organisasi yang berlandaskan ajaran dan cita-cita Islam harus bersikap berlapang dada terhadap satu sama lain. Keluasa skop ad-Din dan amalan Islam yang dituntut mustahil dapat dipenuhi secara sempurna oleh satu kelompok atau organisasi sahaja. Sikap lengkap melengkapai harus dipupuk, bukan sikap 'kelompok kami saja yang betul dan syumul'. Disamping itu kita tidak harus hindari diri dari membesar-besarkan perbezaan yang tidak asasi. Dengan lain perkataan, setiap organisasi harus mengetahui hal-hal yang asasi dalam Islam yang tidak boleh dipertikaikan dan hal-hal yang tidak asasi yang mana perbezaan pendapat boleh dibenarkan".

Sementara itu, usaha bagi menegakkan syariat Islam di mana sekalipun ternyata penuh dengan tribulasi, apalagi masyarakat Muslim dikatakan sedang mengalami krisis besar. Antaranya kelemahan mereka berfikir dan bentuk keimanan yang menguasai perjalanan dan corak kehidupannya. Kelemahan ini mempengaruhi pembentukan kebudayaannya dan kebudayaan itu sendiri mengalami krisis yang memerlukan perubahan menyeluruh dan menuntut pembaharuan yang dapat mengembalikan manusia Muslim sebagai penggerak dan pembentuk tamaddun.

---

<sup>65</sup> Ahmad Lutfi Othman, "Penilaian Semula Gerakan Dakwah di Malaysia", *Dunia Islam*, Kuala Lumpur : Penerbitan Zin, 15 Mei, 1990, hal. 17.

Sehubungan dengan itu, kesemua pergerakan Islam di negara ini memang perlu menghadapi kemerdekaan ini dengan kegiatan, pendekatan dan petugas dakwah yang berkebolehan.<sup>66</sup> Di samping itu, tugas ini perlu dipikul sama oleh badan-badan dakwah yang lain, seperti YADIM, PERKIM, INDAH serta Pusat Islam sendiri. Ulamak-ulamak tradisional termasuk yang membuka pesantren (pondok), dan ulamak lainnya, harus sama-sama berganding bahu seperti yang pernah diperingatkan oleh pemimpin PAS Ustadz Fadil Noor,<sup>67</sup>

"Tanggungjawab ulamak seperti menegur, mengkritik dan memberi penjelasan kepada pemerintah merupakan kerja politik yang mesti dipikul dan disedari oleh ulamak kerana ia adalah satu dari amanah Islam. Menjadi tugas ulamak juga iaitu memastikan tertegak dan terlaksana syariat Islam".

Kita perlu bersikap realistik untuk mengakui bahawa suasana di Malaysia, terutamanya semasa pentadbiran Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad sebagai Perdana Menteri pada tahun 1981 dan selepas kemunculan Anwar Ibrahim dalam UMNO, adalah lebih sihat untuk kegiatan dakwah, dan lebih terbuka untuk pergerakan-pergerakan Islam menyuarakan pandangan mereka, walaupun dibelenggu dengan pelbagai akta. PAS, misalnya masih diberi peluang mengambil bahagian dalam pilihanraya dengan aspirasi Islamnya, begitu juga dengan kegiatan-kegiatan jemaah lainnya. Oleh sebab itu, alasan-alasan seperti sekatan oleh pihak pemerintah tidak perlu diperbesar-besarkan, kerana banyak ruang lain yang boleh dimanfaatkan.

---

<sup>66</sup>Menurut Zainudin M.Z(pendakwah Indonesia yang boleh mengaut ratusan ribu pendengar), jurudakwah yang baik ialah:

1. Bermata setajam Rajawali. Harus cermat mengamati gejala dan gejolak masyarakat.
2. Berhati sepeka radar, yakni memiliki getaran kepekaan yang muncul kerana sandaran vertikal kita kepada Allah yang sebenar.
3. Berkaki sekuat 'bionic'. Sanggup menyampaikan pesan Islam di medan bagaimanapun.
4. Bertangan halus seniman. Ini menyangkut psikologi 'salesman'

<sup>67</sup>Lihat Ahmad Lotfi Othman, op.cit.

Apa yang perlu ialah jemaah-jemaah Islam di negara ini harus bersikap terbuka dan sanggup mengkritik atau mengakui kebaikan kegiatan Islam yang dianjurkan oleh pihak kerajaan selagi ia tidak bertentangan dengan prinsip Islam. Gerakan-gerakan Islam di negara ini juga harus lebih peka dengan kehendak masyarakat yang semakin nyata memerlukan dakwah pada tahap kedua, iaitu mengisi kefahaman dan keyakinan masyarakat terhadap konsep Islam sebagai satu cara hidup. Maksudnya tidak perlu disyarahkan kepada masyarakat tentang konsep itu lagi, yang mustahak, iaitu melaksanakan tuntutan dan kesyumulan Islam itu sendiri.

Seperti yang telah disebutkan, arus kebangkitan Islam di negara ini turut disahut oleh kerajaan melalui program Penerapan Nilai-nilai Islam pada tahun 1982. Selaras dengan itu, program bina insan yang dilaksanakan telah menjadikan dakwah sebagai teras program. Justeru itu, antara PAS, PKPIM, Al-Arqam dan Jamaat Tabligh yang sematlamat meskipun tidak sehaluan, harus menggunakan peluang yang ada dan mengurangkan masalah dalaman, serta berusaha untuk menjadi diri masing-masing sebagai pergerakan Islam yang disegani (*a force to be reckoned with*) yang diperlukan dalam kebangkitan baru Islam pada abad ke 15 Hijrah ini,<sup>68</sup>

"Era kebangkitan baru Islam memerlukan gerakan Islam yang '*competent*'. Tanpa gerakan Islam yang '*competent*', era kebangunan yang segera berakhir dengan hanya sorak-sorai '*declaration of intentions*' gembar gembur deklarasi cita-cita besar dan impian-impian indah. Sesungguhnya dekad skarang bukan lagi dekad slogan-sloganan, tetapi dekad menuju realisasi, menuju pelaksanaan cita-cita, dekad mengembeling tenaga menekuni program-program yang serius dan *substansial*. Gerakan Islam yang konsisten dan konsekwensi dengan misi dan fungsinya tidak akan lari meninggalkan gelanggang dan memberi sumbangan-sumbangan yang konstruktif".

---

<sup>68</sup> Siddiq Fadhil, "Gerakan Islam di Dunia Melayu", Ucapan Dasar Muktamar Senawi ABIM ke 15, Petaling Jaya : Dewan Al-Malik Paisal, 6-7 Disember, 1986, hal.6